

▼09/10/16-24MST

CNS4654

R GB 09-10 00170 BH520

bah

KONTRAKTOR BINAAN BUMIPUTERA TIDAK HARUS BERGANTUNG BANTUAN KERAJAAN

Mahathir - Kontraktor

BANGI, 9 Okt (Bernama) -- Kontraktor binaan Bumiputera boleh dianggap sebagai berjaya hanya apabila mereka tidak bergantung kepada projek kerajaan dan keistimewaan yang diperuntukkan serta sanggup bersaing dengan kaum lain secara terbuka, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun sudah 35 tahun negara merdeka, kontraktor binaan Bumiputera belum lagi menunjukkan kemampuan mereka serta sanggup bersaing dalam sektor swasta, katanya ketika berucap merasmikan siri Kursus Khas Kontraktor Binaan Bumiputera di sini, hari ini.

Katanya, sikap sentiasa bergantung bantuan kerajaan serta mendapatkan keistimewaan itu tidak patut lagi diamalkan sebaliknya mereka hendaklah berusaha dengan gigih, jujur dan amanah untuk meningkatkan keupayaan masing-masing bagi bersaing dalam sektor swasta.

Perdana Menteri menyifatkan sikap negatif itu sebagai orang yang cacat anggota yang sentiasa bergantung kepada tongkat untuk bergerak.

+Kerajaan tidak akan terus memberi tongkat ini kerana ia bukan membantu mereka untuk maju tetapi membuat mereka terus mundur, katanya. -- Lagi

▼09/10/15-46MST

CNS4718

R GR 09-10 00131 BH529

bah

Mahathir - Kontraktor 2 Bangi

Dr Mahathir berkata, kontraktor binaan Bumiputera seharusnya mengka j i mengapa mereka tidak maju dan mencari jalan membaikinya.

+Ramai yang berpendapat kelemahan ini berlaku kerana kerajaan tidak memberi perhatian kepada mereka atau mereka sendiri yang tidak berusaha untuk mempertingkatkan diri, + katanya .

Perdana Menteri yakin kontraktor Bumiputera boleh berjaya seperti kaum lain memandangkan mereka tiada cacat cела besbanding dengan yang lain.

Apa yang penting mereka sanggup berusaha dengan gigih dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan, katanya.

+Saya malu melihat sikap dan telatah kontraktor Bumiputera yang hanya menanti tawaran projek kerajaan dan kemudian memohon keistimewaan untuk mendapatkan wang pendahuluan sebanyak 15 peratus bagi memulakan projek ini setelah mereka mendapat tawaran itu, + kata Dr Mahathir. -- Lagi

▼09/10/16-37MST

CNS4658

R GB 03-10 001.24 RH522

hah

Maha thir - Kontraktor 3 Bangi

Xatanya, dalam apa bidang perniagaan sekalipun, mereka sekurang-kurangnya perlumempunyai sedikit modal untuk memulakan sesuatu projek.

Beliau juga rnahukan kontraktor binaan Bumiputera mengamalkan sikap jujur, ikhlas dan amandh dan sentiasa menjelaskan hutang walaupun mengalami kerugian.

+Kewibawaan Bumiputera akan terjejas dan tercemar kerana perbuatan segelintir yang tidak menunaikan janji dan tidak menjelaskan hutang,+ katanya.

Mengenai kursus selama dua minggu yang disertai oleh 40 peserta itu, beliau mengingatkan mereka supaya jangan menganggap penyertaan itu semata-mata untuk mendapatkan sijil yang menawarkan keistimewaan tertentu bagi mendapatkan projek. pada masa akan datang.

Beliau menasihati mereka supaya mengamalkan segala ilmu dan pendedahan yang dipelajari pada kursus itu sepenuhnya jika ingin berjaya. -- Lagi

▼09/10/15-51MST

CNS4674

R GB 09-10 00146 BH523

hah

Mahathir - Kontraktor (Akhir) 4 Kuala Lumpur

Semasa bercakap kepada pemberita kemudiannya, Perdana Menteri berkata, setakat ini tiada cadangan untuk memberi jangka masa tertentu untuk menarik balik bantuan dan keistimewaan yang diberikan kepada kontraktor binaan Bumiputera,, tetapi menegaskan bahawa bantuan dan keistimewaan itu tidak akan berterusan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Negara, dalam ucapannya berkata, siri kursus khas itu antara lain bertujuan memberikefahaman mengenai etika perniagaan dan pengurusan harta kepada kontraktor binaan yang berpotensi.

Kursus an juran jawatankuasa itu merupakan satu program latihan bagi mengukuhkan keupayaan Bumiputera dalam mengurus, mengendalikan dan menilai perniagaan mereka dengan berkesan.

Mulai tahun depan, Kementerian Kerja Raya akan mengendalikan dua kursus berbentuk ceramah dan perbincangan terbuka untuk kontraktor dari kelas +F+ hingga +D+ dan bagi kelas +C+ hingga +A+. -- Bernama

▼09/10/16-01MST